

3 juara dunia bawa Jalur Gemilang

BERITA HARIAN 8/8/2017 p. 50

Kuala Lumpur: Tiga juara dunia dipilih sebagai pembawa Jalur Gemilang kontinjen negara pada upacara pembukaan Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017) di Stadium Nasional Bukit Jalil, 19 Ogos ini.

Pemilihan Al Jufferi Jamari dari sukan silat, Cheong Jun Hong (terjun) dan Azizulhasni Awang (berbasikal) dibuat sebagai penghargaan buat ketiga-

tiga atlet berkenaan selepas mengharumkan nama negara di pentas dunia.

Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata keputusan itu dibuat selepas membuat penilaian secara terperinci.

Lakukan kelainan

"Selepas lama memikirkan perkara ini, kita buat keputusan melakukan kelainan

pada Sukan SEA kali ini iaitu akan ada tiga pembawa bendera.

"Mereka adalah tiga juara dunia dan ini sebagai penghormatan buat Al Jufferi, Jun Hong dan Azizulhasni," katanya pada majlis perhimpunan akhir kontinjen negara di sini, malam tadi.

Sementara itu, Al Jufferi nyata terkejut dengan pemilihannya dan kini tidak sabar untuk

menghadirkan kejayaan buat kontinjen negara.

"Saya langsung tidak tahu mengenai pemilihan. Saya hanya diberitahu untuk bersedia tetapi tidak dimaklumkan mengenai apa.

"Pemilihan ini membuatkan saya semakin bersemangat dan kalau boleh mahu Sukan SEA bermula esok" katanya.

Oleh Mohd Fitrié Muhamad